



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2020**

MPP 3

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri-ciri masyarakat penyayang. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri masyarakat penyayang. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.




Gotong-royong




Bantuan mangsa banjir

CIRI-CIRI MASYARAKAT PENYAYANG

- Kasih sayang sesama manusia
- Sayang akan alam sekitar
- Menyayangi haiwan



Mengelakkan pencemaran



Penjagaan dan rawatan haiwan

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Saban tahun kemalangan jalan raya di negara kita dilaporkan semakin meningkat terutamanya menjelang musim perayaan.

Anda sebagai Pengerusi Kelab Keselamatan Jalan Raya di sekolah, diminta menulis sebuah rencana berkaitan punca-punca berlakunya kemalangan jalan raya untuk dimuatkan dalam buletin kelab tersebut.

Tulis rencana itu selengkapnya.

2. Dalam institusi kekeluargaan, ibu bapa merupakan tunjang utama ke arah pembentukan keluarga bahagia.

Bincangkan peranan mereka dalam melahirkan keluarga yang bahagia.

3. Permuafakatan dalam bidang pendidikan antara pihak sekolah, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti setempat sangat penting pada masa ini.

Nyatakan peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh pihak-pihak terbabit dalam memastikan kecemerlangan murid-murid di sekolah.

4. Akhir-akhir ini, masalah pencemaran dan isu kemusnahan alam sekitar semakin membimbangkan masyarakat dunia.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara-negara serantau bagi mengatasi masalah ini.

5. Nasihat dan amanat ibu jangan lupakan
Ringankan tulang bantu membantu sesama jiran

Gurindam di atas menggambarkan kepentingan hidup berjiran.

Huraikan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam menupuk semangat kejiranan.

KERTAS SOALAN TAMAT